

PANDUAN MENANAM HALIA

PENGENALAN:

Halia atau nama botani *Zingiber officinale* Rsc. Ditanam sebagai tanaman tunggal atau selingan di tanah-tanah mineral dan gambut

JENIS-JENIS HALIA

Halia Bentong – Mempunyai rizom yang besar dan berisi bendalir (berlendir dan berair)

Halia Taiwan – Mempunyai jari-jari rizom yang besar penuh berisi, berlendir dan sederhana pedas.

Halia Indonesia – Mempunyai rizom yang panjang dan berwarna kuning muda.

PENANAMAN

Halia sesuai di tanam di pelbagai jenis tanah (termasuk tanah gambut) yang mempunyai saluran baik serta gembur dan peroi agar tidak menyekat pertumbuhan rizom. Halia hidup subur pada pH 5.5 hingga 6.5. Walaubagaimanapun ianya boleh juga di tanam di tanah gambut yang pHnya 3.8.

Halia memerlukan taburan hujan sebanyak 200 hingga 260 cm setahun dan ia juga perlu sedikit naungan.

PERSEDIAAN BAHAN TANAMAN

Halia di tanam daripada keratan rizom tua yang berumur lebih sembilan bulan. Rizom yang berpenyakit hendaklah dimusnahkan untuk mengelakkan merebaknya penyakit bakteria dan kulat halia.

Rizom-rizom disimpan di tempat teduh dan berangin selama dua hingga tiga minggu untuk percambahan tunas-tunas. Kemudian rizom di kerat 5 cm panjang dan mempunyai sekurang-kurangnya dua mata tunas.

Anggaran 25-33 keratan boleh didapati dari 1 kg rizom. Keperluan bahan tanaman di anggarkan 1,500-2,000 kg rizom segar sehektar.

Rizom-rizom direndam selama lima minit dalam larutan Bordeaux (4:5:50). Selepas itu keringkan semalaman sebelum menanam.

Tujuan merendam dalam larutan tersebut ialah untuk mengurangkan penyakit layu.

PENYEDIAAN TANAH

Bajak dan gembur tanah sebelum menanam. Buatlah batas 30 cm tinggi dan 61 cm antara batas.

MENANAM DI LADANG

Sebaik-baiknya halia ditanam dalam bulan Februari dan Mac iaitu musim permulaan hujan. Ini membantu percambahan rizom-rizom. Musim kemarau berikutnya pula mengurangkan berlakunya penyakit layu.

Petani-petani biasanya mengamalkan jarak tanaman 25-30 cm empat persegi di Bukit Tinggi dan 20 cm x 30 cm dua baris di Tanjung Sepat. Walaubagaimanapun jarak tanaman yang di syorkan ialah 60 cm dalam barisan. Jarak sebegini menggalakkan pembesaran rizom yang lebih subur dan memberi sejumlah 53,790 pokok sehektar.

Atur keratan-keratan rizom di atas batas. Gali lubang sedalam 15 cm dan letakkan rizom dengan 'mata' tunas menghala keatas. Kambus dan padatkan tanah. Beri naungan kepada pucuk-pucuk baru yang muncul dalam masa 2-4 minggu selepas menanam.

PEMBAJAAN

Tanah gambut – gunakan baja campuran yang mengandungi 73 kg N, 44 kg P₂O₅ dan 236 kg K₂O sehektar

Untuk tanah bukan organon di syor menggunakan baja campuran yang mengandungi 56 kg N, 67 kg P₂O₅, dan 112 kg K₂O sehektar.

Baja di tabur secara selarak seminggu sebelum menanam dan dua bulan selepas menanam di tabur di keliling perdu.

MERUMPUT

Sekurang-kurangnya 1-3 pusingan merumput dibuat semasa membaiki batas-batas.

PENUAIAN

Halia dituai sebagai halia muda bila berumur 4 ½ - 5 bulan dan halia tua bila berumur 9 bulan selepas menanam. Kelewatan menuai akan meninggikan kandungan serabut.